

Tinjauan Tahap Kesedaran Kitar Semula Produk Di Kalangan Pelajar POLIMAS Yang Mengambil MPU24021 Kelab Pengguna.

Nurul Huda binti Mashudi¹, Mardiyana binti Marzuki²

^{1,2}Department of Commerce, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.
nhudamashudi@POLIMAS.edu.my, mardiyanamarzuki@POLIMAS.edu.my

Abstract: Tugas merupakan salah satu kaedah penilaian yang mengukur tahap pemahaman pelajar. Kursus MPU 24021_Kelab adalah kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar diploma di Politeknik. Tajuk tugas yang diberikan berkaitan produk kitar semula terhadap pelajar yang mengambil kursus ini pada sesi II 2022/2023. Penghasilan produk kitar semula dari barangan terpakai dapat mengurangkan bahan buangan sisa pepejal. Kitar semula adalah merupakan satu proses mengumpul, memproses dan mengguna semula bahan buangan untuk menghasilkan suatu produk baru. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai kesan tugas yang diberikan serta peningkatan kesedaran dan pengetahuan amalan kitar semula dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif dan data dikumpul melalui instrumen borang soal selidik. Analisis data melibatkan pengiraan skor min dibuat dan ditafsir berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Sampel kajian terdiri daripada 45 orang responden merupakan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) yang mengambil kokurikulum 2 iaitu MPU24021_Kelab. Hasil kajian menunjukkan skor min yang diperolehi bagi penerimaan tugas yang diberikan dan peningkatan tahap kesedaran masing-masing menyumbang nilai min sebanyak 3.82 dan 3.92. Hal ini menunjukkan pelajar Kelab pengguna POLIMAS sesi II: 2022/2023 mempunyai kesedaran mengenai kepentingan kitar semula amat penting untuk kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Aktiviti kitar semula memerlukan komitmen daripada semua pihak tanpa mengira usia dan latar belakang. Justeru itu, dengan mengitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin, kaca, surat khabar, kita dapat memulihara alam sekitar demi generasi akan datang.

Keywords: *Tugas, Produk Kitar Semula*

1.0 PENGENALAN

Kelab pengguna merupakan salah satu kelab kokurikulum yang ditawarkan kepada pelajar semester dua di POLIMAS, dan penyertaan dalam kelab ini merupakan satu syarat wajib bagi pelajar yang mengikuti program diploma. Pelajar boleh memilih untuk mengambil Kelab jika pada semester 1 mereka mengambil Sukan. Para pelajar perlu lulus kokurikulum 1 dahulu samada sukan atau badan beruniform dan barulah membolehkan mereka mengambil kokurikulum 2 (MPU24021).

Pengujian dan penilaian merupakan aspek penting kerana ia merupakan pengukuran bagi mengenalpasti sejauhmana proses PdP yang berlangsung dapat memberi pemahaman kepada pelajar. Tugas merupakan kayu ukur bagi sesuatu gred pelajar itu diberikan. Salah satu penilaian pengukuran bagi kursus ini ialah tunjuk cara. Penilaian ini diberikan berdasarkan topik yang dipadankan dengan CLO dan PLO di dalam maklumat kursus. Pensyarah akan membangunkan soalan bersandarkan pemetaan tersebut. Bagi kelab pengguna, instrumen yang dibangunkan ialah tugas tunjukcara iaitu berkaitan penghasilan produk dari bahan buangan. Tema tugas ini diambil kerana ia berkaitan dengan salah satu hak yang terdapat di dalam lapan hak pengguna iaitu hak untuk mendapat alam semulajadi yang sihat. Maka bertepatan itu, pelajar dikehendaki menyiapkan tugas dan pembentangan dilakukan di dalam kelas dengan menunjukcara bagaimana penghasilan produk kitar semula tersebut. Laporan

perlu dihantar sebagai dokumen penghantaran tugas yang telah diberikan lengkap dengan kandungan mengikut format yang berkaitan.

Tema kitar semula merupakan salah satu aktiviti di dalam kempen menghidupkan bumi. Ia sangat penting dimartabatkan selari dengan kemajuan pendidikan ke arah menyahut 17 elemen 'Sustainable Development Goals' (SDG) yang perlu diterapkan di dalam kebanyakan kursus yang diambil oleh para pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti. Elemen kempen menghidupkan bumi menyahut 2 elemen SDG iaitu SDG 12: Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran dan SDG 13: mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui.

1.2 Latarbelakang Masalah

Masalah pengurusan sampah kini menjadi isu utama bagi pihak berkuasa tempatan, yang terpaksa membelanjakan sejumlah besar wang untuk aktiviti pemungutan dan pelupusan sampah sarap yang dihasilkan oleh masyarakat. Namun, pelajar tidak terkecuali sebagai penyumbang dalam menghasilkan sampah. Majoriti pelajar membuang sampah tanpa mempedulikan sama ada sampah tersebut boleh dikitar semula atau tidak. Mereka sering mencampurkan semua jenis sampah dalam satu tong tanpa mengasingkannya. Dapatan kajian oleh Ridener (1997), Mohd Yusop et al. (2003) menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai kesedaran alam sekitar yang tinggi, tingkah laku dan penglibatan mereka dalam menangani masalah alam sekitar berada pada tahap sederhana hingga rendah.

Isu alam sekitar kini menjadi perhatian utama di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Namun, walaupun terdapat peningkatan kesedaran terhadap isu ini, tindakan praktikal dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar universiti, masih berada pada tahap yang rendah. Kajian oleh Zurina dan Norjan (2003) mendapati bahawa pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memiliki tahap kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar. Namun, kesediaan mereka untuk terlibat secara aktif dalam usaha pemeliharaan alam sekitar adalah sangat minimum

Fenomena serupa turut dilaporkan oleh Berenguer (2007), yang menyatakan bahawa meskipun masyarakat global memiliki kesedaran terhadap pelbagai isu alam sekitar, termasuk pemanasan global dan penipisan lapisan ozon, tingkah laku yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar belum menjadi kebiasaan. Kajian beliau menekankan bahawa walaupun individu menunjukkan sikap positif terhadap alam sekitar, tindakan praktikal mereka masih kurang, mencerminkan jurang antara kesedaran dan amalan.

1.3 Pernyataan Masalah

Sehingga kini aktiviti kitar semula didapati bukanlah suatu tabiat yang sering diamalkan oleh warga Malaysia dalam menguruskan sampah sarap harian. Ini diburukkan lagi dengan sikap manusia yang kurang prihatin dan bertanggungjawab dalam memelihara alam sekitar telah memberi kesan negatif pada alam semulajadi dan kualiti hidup manusia. Penglibatan individu dalam usaha pemuliharaan alam sekitar adalah langkah penting ke arah kelestarian persekitaran kita. Namun, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan golongan terpelajar menyebabkan inisiatif kerajaan, seperti program kitar semula, kurang mendapat sambutan dan tidak mencapai impak yang diharapkan. Pendapat Azizan (2008) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa walaupun pelajar memiliki kesedaran yang baik mengenai isu-isu alam sekitar, kesedaran tersebut belum diterjemahkan ke dalam tindakan praktikal.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah meninjau tahap kesedaran kitar semula produk terhadap tugas yang dilaksana dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021 kelab pengguna POLIMAS sesi II: 2022/2023. Tahap kesedaran ini penting bagi melihat kesan tugas yang diberikan adakah dapat diterima sepenuhnya oleh pelajar dan adakah terdapat peningkatan kesedaran amalan kitar semula produk berdasarkan tingkahlaku pelajar. Para mahasiswa merupakan mereka yang tergolong di dalam kelompok yang cerdik pandai. Seharusnya perbuatan dan amalan mereka menjadi perhatian oleh masyarakat di luar.

1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Meninjau tahap kesedaran kitar semula produk terhadap tugas yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021_kelab.
2. Mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap tugas yang dilaksana dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021_kelab.
3. Mengenalpasti peningkatan tahap kesedaran pelajar Tugas Yang Dilaksana Dalam Kalangan Pelajar POLIMAS Yang Mengambil MPU24021_Kelab.

1.6 Persoalan Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk meneliti tiga persoalan, iaitu:

1. Apakah tahap kesedaran kitar semula produk terhadap tugas yang dilaksana dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021 Kelab pengguna.
2. Apakah penerimaan pelajar terhadap tugas yang dilaksana dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021 Kelab pengguna.

3. Adakah wujud peningkatan tahap kesedaran pelajar tugas yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021 Kelab pengguna.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pelajar dan tugas merupakan sesuatu yang tidak asing lagi. Bermula dari pendidikan awal sehinggalah kepada pendidikan dewasa, seringkali pelajar akan diuji untuk melihat kefahaman dan penerimaan sesuatu pembelajaran. Pengukuran tugas bukan sahaja untuk melihat skor pelajar tetapi juga dapat digunakan sebagai input atau wajar untuk penambahbaikan isi pembelajaran.

2.2 Kelab Pengguna

Kelab pengguna merupakan satu cabang di dalam kokurikulum pendidikan dimana konsep asasnya adalah merupakan satu kaedah untuk menyalurkan input tentang kepenggunaan. Kementerian yang bertanggungjawab untuk kelab penggunaini ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). KPDN bertanggungjawab menggubal dasar dan strategi serta menjalankan kajian berkaitan pembangunan perdagangan domestik. Fokus utama kementerian ini adalah pada sektor perdagangan pengedaran dan kepenggunaan. Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam menjaga kepentingan dan hak-hak pengguna. Langkah ini termasuklah membangunkan ekosistem yang saling melengkapi antara pengguna dan peniaga dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Inisiatif ini diharapkan dapat memupuk kematangan dan etika dalam kalangan pengguna dan peniaga ketika berinteraksi, demi mencapai keseimbangan ekonomi dan sosial di seluruh negara. Dibawah bidang tugas kementerian terdapat fungsi kepenggunaan yang melaksanakan program pendidikan pengguna (portal rasmi KPDN). Objektif kelab pengguna supaya dapat melahirkan pengguna yang celik kepenggunaan supaya tidak ditindas sewenang-wenangnya oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Tambahan pula kewujudan pencuri era baru iaitu ‘scammer’ banyak memberi kesan kepada transaksi pengguna terutama perniagaan dalam talian. Pengguna harus sedar terdapat kaedah untuk membawa pesalah-pesalah ini kemuka pengadilan supaya mereka mendapat hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

2.3 Tugas Pelajar

Ketersediaan pelajar juga perlu diambil kira agar sesi pelaksanaan tugas tidak memberi tekanan kepada pelajar. Sebagai pendidik misalnya, kualiti sesuatu tugas yang diperlukan oleh pelajar sangat diberi keutamaan kerana dapat mengukur penerimaan pelajar terhadap isi pembelajaran. Sangatlah penting di sini untuk melihat tugas yang diberikan mampu dilaksanakan dengan kondusif oleh para pelajar. Setiap tenaga pengajar seharusnya sedar tentang kemungkinan kekangan yang

dihadapi oleh para pelajar bagi mengelakkan ketidakseimbangan markah yang mungkin diterima oleh pelajar. Sesungguhnya, tugas yang dihasilkan dengan penerimaan yang menyeluruh dikalangan pelajar akan memastikan kemenjadian pelajar itu terserlah iaitu terhasilnya satu projek yang dapat membina jatidiri pelajar.

2.4 Kitar Semula

Amalan kitar semula berperanan penting dalam mengurangkan jumlah sisa pepejal. Tanpa usaha ini, peningkatan jumlah sampah akan menyebabkan tapak pelupusan sedia ada tidak mampu menampung beban, sekaligus menyebabkan lebih banyak pembukaan tapak pelupusan baharu. Penglibatan individu dalam usaha pemuliharaan alam sekitar merupakan satu langkah penting dalam usaha menjaga keseimbangan ekosistem. Manusia perlu bijak dalam merancang penggunaan sumber alam bagi mengurangkan kerosakan kepada tahap minimum. Namun, sikap tamak dan tidak bertanggungjawab dalam mengeksploitasi sumber alam tanpa memikirkan kesan jangka panjang menjejaskan kelestarian alam sekitar (Ibrahim, 2005).

Beberapa kajian telah menilai tahap penglibatan masyarakat, khususnya pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia, terhadap isu alam sekitar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memiliki pengetahuan, sikap, dan kesedaran yang baik terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, terdapat jurang antara kesedaran dan tindakan, di mana penglibatan aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar masih rendah. Hal ini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih berkesan dalam pendidikan alam sekitar untuk mendorong perubahan tingkah laku yang positif. Selari dengan kajian oleh Ridener (1997) mendapati bahawa walaupun pelajar universiti menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar, tingkah laku dan penglibatan mereka dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar berada pada tahap yang sederhana.

Pendapat Azizan (2008) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa walaupun pelajar memiliki kesedaran yang baik mengenai isu-isu alam sekitar, kesedaran tersebut belum diterjemahkan ke dalam tindakan praktikal. Ini juga disokong oleh Wahida et. al. (2004) yang menyatakan bahawa kesedaran masyarakat terhadap isu alam sekitar semakin meningkat, namun penglibatan aktif individu dalam aktiviti pemeliharaan masih berada pada tahap yang rendah

3.0 METODOLOGI

3.1 Batasan

Fokus kajian ini adalah terhad kepada pelajar POLIMAS sesi II: 2022/2023 yang mengambil kokurikulum 2 kod MPU24021 Kelab Pengguna. Pelajar-pelajar terdiri daripada lima jabatan yang terdapat di POLIMAS iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Perdagangan, dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Pengumpulan data bagi kajian ini telah dilaksanakan pada sesi yang dinyatakan, tetapi atas sebab kekangan masa dan keperluan akademik, analisis dan pembentangan penuh kajian ini hanya dapat dilakukan pada semester semasa iaitu sesi II: 2024/2025. Walaupun terdapat jarak masa antara pengumpulan data dan pembentangan, kandungan kajian kekal relevan dengan isu semasa dan masih mewakili pandangan populasi sasaran pada ketika itu.

3.2 Kepentingan

Keperluan kajian ini ialah sebagai satu risalah untuk para pensyarah kelab penggunamengetahui PdP yang dilaksanakan memberi kesan yang terbaik kepada para pelajar. Kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan untuk konten PdP yang seterusnya. Ia juga dapat digunakan sebagai penanda aras kepada pensyarah untuk merancang PdP dan menambah baik untuk CQI akan datang. Memandangkan matapelajaran ini hanya 2 jam seminggu dan berkonsepkan penilaian kursus sepenuhnya maka kebanyakan pelajar berpotensi memperoleh markah tinggi di dalam penilaian yang diberikan. Pendekatan kajian ini dilaksanakan untuk melihat amalan baik yang boleh diterapkan kepada pelajar di dalam kelas supaya kursus ini walaupun kreditnya rendah tetapi dapat memberi kebaikan dan impak yang berterusan di dalam jati diri pelajar dan mungkin boleh dijadikan rujukan kepada pihak institusi juga penasihat kelab kokurikulum dalam merangka program dan aktiviti yang lebih efektif bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kitar semula

3.3 Rekabentuk Kajian

Sampel kajian

Untuk kajian ini, populasi terdiri daripada tiga buah kelas Kelab penggunasasi II: 2022/2023 Disember yang mengambil kursus MPU24021 Kelab penggunaprogram diploma di POLIMAS, Jitra. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa populasi merujuk kepada kumpulan masyarakat yang berkongsi ciri-ciri yang sama. Oleh itu, para pelajar semester 2 yang mengikuti kursus diploma daripada lima jabatan dipilih kerana mereka dapat memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh penyelidik. Menurut Mohd Majid (1993), menyatakan bahawa pengambilan sampel untuk mewakili populasi dikenali sebagai persampelan. Dalam kajian ini, seramai 60 orang pelajar dikenal pasti sebagai populasi sasaran. Penyelidik menggunakan 45 orang pelajar sebagai sampel kajian. Jumlah pelajar bagi setiap kelas ini diperolehi melalui data Sistem Pengkalan Maklumat Pelajar (SPMP) POLIMAS.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Ia juga dapat menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik (Abdul Ghaffar, 2003). Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini dan diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas. Menurut Abdul Ghaffar (2003), kaedah

tinjauan menggunakan soal selidik adalah kaedah yang paling popular di kalangan penyelidik kerana ia mudah ditadbir dan data juga mudah untuk dianalisis. Menurut Mohd Majid (1993), soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan bagi populasi yang besar. Keupayaan menjalankan soal selidik dengan menggunakan sampel yang besar akan meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas responden terhadap rangsangan yang diberikan kepada mereka. Personaliti penyelidik, tingkah laku dan cara penyelidikan tidak mempengaruhi jawapan yang diberi oleh responden. Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah latarbelakang responden. Manakala bahagian B terbahagi kepada dua aspek yang mana pertama mengukur sejauhmana penerimaan pelajar terhadap tugas yang diberikan dan aspek kedua melihat kesan peningkatan kesedaran amalan kitar semula barangan terbuang dikalangan pelajar.

Soalselidik

Kajian ini menggunakan rekabentuk deskriptif, iaitu tinjauan secara soal selidik menggunakan 5 mata skala likert. Menurut L.R.Gray (1996) menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif melibatkan pengumpulan data menggunakan kaedah seperti pemerhatian, temu bual, atau soal selidik untuk mendapatkan data mengenai keadaan subjek yang dikaji pada masa itu. Penyelidik menggunakan ‘google form’ dimana pautan akan diberi kepada semua pelajar kelab pengguna sesi II: 2022/2023 oleh pensyarah kelas masing-masing. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan min. Penentuan tahap min seperti berikut:

Jadual 3.1 : Penentuan Tahap Min

Skor Min	Intrepretasi
1.00 <= min <= 2.40	Rendah
2.41 <= min <= 3.80	Sederhana
3.81 <= min <= 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid, 2004

4.0 ANALISIS DATA DAN DAPATAN

Analisis Data Bahagian A (Latar Belakang Responden).

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Perkara	Jantina		Jabatan				
	Lelaki	Perempuan	JKE	JKM	JKA	JP	JTMK
Bilangan	15	30	8	5	10	19	3
Peratusan	33.3	66.7	17.8	11.1	22.2	42.2	6.7

Berdasarkan jadual di atas, didapati bilangan responden dimonopoli oleh pelajar perempuan iaitu 66.7 peratus manakala 33.3 peratus sahaja terdiri daripada pelajar lelaki. Ini menunjukkan bahawa kursus ini ramai dipohon oleh pelajar wanita. Ini mungkin kerana, pelajar lelaki lebih berminat kepada kursus kemahiran. (Mungkin boleh dibuat kajian akan datang).

Analisis Persoalan kajian.

Mengenalpasti Penerimaan Pelajar Kelab pengguna POLIMAS Terhadap Skop Tugas Yang Diberikan Kepada Pelajar MPU24021 Kelab pengguna POLIMAS.

Jadual 4.2

Analisa kekerapan, dan min bagi mengenalpasti penerimaan pelajar kelab pengguna POLIMAS terhadap skop tugas yang diberikan kepada pelajar MPU24021 kelab pengguna POLIMAS.

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Saya tidak mengalami kesukaran melaksanakan tugas yang diberikan.	3.93	Tinggi
2	Saya dapat mencari tajuk berdasarkan tugas yang diberi.	3.78	Sederhana
3	Ahli kumpulan sangat komited dengan tugas yang dilaksanakan	3.84	Tinggi
4	Saya dan ahli kumpulan dapat siapkan pada masa yang ditetapkan oleh pensyarah.	3.91	Tinggi
5	Saya dan ahli kumpulan dapat membuat pembentangan dan tunjukcara produk dengan baik.	3.89	Tinggi
6	Terdapat banyak bahan rujukan sewaktu menyiapkan tugas	3.71	Sederhana
7	Barang-barang terpakai mudah diperolehi bagi tujuan menyiapkan tugas.	3.76	Sederhana
8	Tugas produk kitar semula menjadikan saya lebih kreatif.	3.74	Sederhana
Skor min keseluruhan		3.82	

Jadual 4.2 menunjukkan data analisa kekerapan, dan min responden berkenaan bagi mengenalpasti penerimaan pelajar Kelab pengguna POLIMAS terhadap skop tugas yang diberikan kepada pelajar MPU24021_Kelab. Berdasarkan jadual tersebut, item 1 menunjukkan min yang paling tinggi dimana pelajar tidak mengalami kesukaran untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Menunjukkan bahawa pelajar boleh menerima tugas yang diberi dengan baik. Cuma pelajar mengalami sedikit kesukaran untuk mencari tajuk yang sesuai dengan tema tugas dimana ini ditunjukkan dengan min pada item 2. Min item 3 pula dilihat bahawa para pelajar bersatu hati didalam menyiapkan tugas bersama-sama. Ini menjelaskan para pelajar berminat melaksanakan tugas. Item 4 menunjukkan min yang agak tinggi yang mana para pelajar dapat mengatur masa untuk siapkan tugas mengikut tarikh yang telah diberikan oleh pensyarah.

Seterusnya item 5, menunjukkan min yang tinggi juga dengan kebanyakan pelajar dapat membuat pembentangan dengan baik. Min item 6 didapati pelajar mempunyai rujukan yang sesuai untuk menyiapkan tugas tersebut. Item 7 pula menunjukkan pelajar mudah untuk mendapat barang-barang terpakai bagi pelaksanaan tugas kitar semula. Walaupun ada 8 orang pelajar tidak setuju, tetapi lebih separuh pelajar menyokong positif item ini. Item yang terakhir menunjukkan tugas yang diberikan oleh pensyarah menjadikan pelajar lebih kreatif. Secara keseluruhan pelajar dapat menerima tugas yang diberikan oleh pensyarah dan melaksanakannya dengan penuh kesungguhan berdasarkan min purata keseluruhan sebanyak 3.82.

Analisis Persoalan Kajian Kedua

Mengenalpasti Adakah Terdapat Peningkatan Kesedaran Amalan Kitar Semula Barangan Terbuang Di kalangan Pelajar MPU24021 kelab pengguna POLIMAS.

Jadual 4.3

Analisa kekerapan, dan min mengenalpasti adakah terdapat peningkatan kesedaran amalan kitar semula barangan terbuang di kalangan pelajar MPU24021 Kelab pengguna POLIMAS.

Item	Penyataan	Min	Interpretasi
1	Setelah melaksanakan tugas yang diberikan menjadikan saya lebih peka terhadap sisa buangan bahan yang boleh dikitar semula.	4.19	Tinggi
2	Perlaksanaan tugas yang diberikan memberi kesedaran kepada saya untuk menyimpan barangan yang mungkin boleh dijadikan produk kitar semula.	4.17	Tinggi
3	Saya menjadi lebih banyak idea untuk cuba menghasilkan produk dari bahan buangan.	3.82	Tinggi
4	Saya ada menasihati rakan-rakan untuk hasilkan produk kitar semula bagi jimatkan duit poket.	3.61	Sederhana

5	Saya sangat berminat jika ada rakan-rakan yang mengajak untuk melaksanakan projek dari bahan kitar semula.	3.67	Sederhana
6	Saya menjadi lebih prihatin dengan isu pembuangan sampah sarap yang boleh memberi kesan kepada rumah hijau.	4.11	Tinggi
Skor min keseluruhan		3.92	

Jadual 4.3 menunjukkan analisa kekerapan, dan min untuk mengenalpasti adakah terdapat peningkatan kesedaran amalan kitar semula barangan terbuang di kalangan pelajar MPU24021 Kelab pengguna POLIMAS. Berdasarkan jadual tersebut, didapati item 1 menunjukkan bacaan min yang paling tinggi iaitu 4.19 dimana selepas pelaksanaan tugas yang diberikan, pelajar menjadi lebih peka terhadap sisa buangan yang boleh dikitar semula. Ini bermaksud tugas yang diberikan dapat memupuk pelajar menjadi seorang mahasiswa yang bertanggungjawab kepada alam sekitar. Ia dapat dibuktikan dengan min item 6 dimana nilai min juga tinggi yang memperlihatkan bahawa pelajar menjadi lebih prihatin terhadap pembuangan sampah yang boleh memberi kesan kepada rumah hijau.

Bagi Analisa ini, item yang rendah adalah item 4 iaitu berkaitan untuk menasihati rakan-rakan. Menunjukkan bahawa kesedaran untuk celik terhadap menjaga alam sekitar ia datang dari kesedaran pelajar sendiri. Oleh yang demikian, sebagai sebuah institusi pendidikan yang menyokong kepada kemampanan rumah hijau, maka perlu merangka aktiviti yang boleh menerapkan dalam diri pelajar program yang dapat mendidik pelajar menjadi sorang yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Dapat dirumuskan analisa bagi objektif ini adalah sangat memuaskan dengan bacaan purata min yang tinggi iaitu 3.92.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tahap kesedaran kitar semula produk terhadap tugas yang dilaksana dalam kalangan pelajar POLIMAS yang mengambil MPU24021 Kelab adalah sangat baik. Ini dapat dilihat dengan dapatan pada jadual 4.2 pada item 1 dengan bacaan min yang tinggi iaitu 3.93 (Saya tidak mengalami kesukaran melaksanakan tugas yang diberikan) di dalam faktor ini menunjukkan pelajar berminat untuk melaksanakan tugas produk kitar semula. Boleh kita nyatakan bahawa tugas sedemikian menjadikan pelajar dapat mengatur masa dengan baik dan melihat perkara ini dari sudut yang positif. Masa mereka dapat diisikan dengan penghasilan produk kitar semula dan pada masa yang sama, mereka dapat mencari maklumat untuk tajuk projek yang paling sesuai. Dapat dirumuskan, pelajar yang mengambil subjek MPU24021 boleh menerima tugas yang diberikan dengan baik.

Seterusnya, dapatan kajian pada jadual 4.3 pada item 1 bacaan min yang sangat tinggi iaitu 4.19 (Setelah melaksanakan tugas yang diberikan menjadikan saya lebih peka terhadap sisa buangan bahan

yang boleh dikitar semula). Bacaan min yang sangat tinggi ini membuktikan pelajar perlu ada dorongan untuk mereka menghasilkan sesuatu tugas yang mana akhirnya dapat mendidik pelajar menjadi seorang yang peka terhadap alam sekitar. Maka sangat penting para pendidik untuk menerapkan elemen mencintai alam sekitar kepada para pelajar supaya mereka terdidik dengan amalan yang dapat menyumbang kepada sokongan untuk menjayakan elemen-elemen yang terdapat didalam 'Sustainable Development Goals' (SDG). Maka dapat juga dirumuskan disini, para pelajar yang mengambil subjek MPU24021 menjadi seorang yang lebih peka terhadap sisa buangan yang boleh dikitar semula.

Kesimpulan

Maka dapat disimpulkan di sini bahawa melalui tugas yang melibatkan barangan kitar semula, pelajar berpeluang meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Penglibatan aktif dalam aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan konsep kitar semula, tetapi juga memperkukuhkan pemahaman mereka mengenai kesan negatif sisa buangan terhadap bumi. Dengan terlibat secara langsung dalam penghasilan produk daripada bahan kitar semula, pelajar dapat merasai impak positif daripada tindakan mereka, seterusnya menggalakkan mereka untuk lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kehidupan seharian. Cadangan seperti kempen kitar semula di POLIMAS, ceramah dan pameran interaktif atau pengumpulan bahan kitar semula secara berkala juga mungkin boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran seterusnya menggalakkan penglibatan aktif pelajar dan warga POLIMAS dalam amalan kitar semula ini

RUJUKAN

Abdul Ghaffar, M.N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Aziah, A. (2010). Tahap kelestarian pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia ke arah kampus lestari (the level of sustainability among students of Universiti Kebangsaan Malaysia towards a sustainable campus). *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil 14:1-10. ISSN 0128-273.

Berenguer, J. (2007). The effect of empathy on proenvironmental attitudes and behaviours. *Journal of Environment & Behaviour* 39(2): 269-283. Kampus Lestari (The Level of Sustainability among Students of Universiti Kebangsaan Malaysia Towards a Sustainable Campus). *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil 14:1-10. ISSN 0128-273.

Kerlinger, Fred N (1994). *Foundations of Behavioral Research*. Holt, Rinehart and Winston.

Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Larry R. Ridener. (1997). *University Students' Attitude to the Environment. An Australian/ USA Comparison and the Effects of an Educational Program*. Australia of Environmental Education, 13(1), 77-84.

Wahida, A., Ismail, H. & Tuan Rokiyah, S.H. (2004). *Sokongan dan penglibatan masyarakat ke arah pemantapan pengurusan alam sekitar mampan*. Seminar Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusop, A.H., Jailani, M.Y. & Esa. A. (2003). *Meningkatkan Pengetahuan, Amalan dan Sikap terhadap Pendidikan Alam di kalangan Pelajar*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran:Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zurina, M., & Norjan, Y. (2003). *Environment awareness among students at the National University of Malaysia*. National seminar proceedings on the environment. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azman, T. P. (2011). Hubungan antara komitmen terhadap alam sekitar dengan tingkah laku. *Jurnal Personalia Pelajar*, 11 - 22.